



Pengurus Ladang Ternak Haji Kassim, Nik Mohd Zamri memandikan kambing tenusu berikutan keadaan cuaca panas. (FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH)



Asmawi memeriksa keadaan kambing di ladangnya di Kampung Pandan 1.

Ternakan lagi lumayan daripada minyak

» Bekas jurutera syarikat petroleum anggap keputusan berhenti kerja tepat

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

► Kuantan

Melepaskan kerjaya sebagai jurutera syarikat petroleum ketika gaji bulannya mencecah lima angka demi keluarga dan minat adalah keputusan sukar buat Datuk Asmawi Kassim. Meskipun sukar, namun pemilik Ladang Ternak Haji Kassim itu menyifatkan, keputusan terbabit adalah tepat pada masanya. Pada 2008, arwah ayah dikesan menghidap barah dan saya banyak menghabiskan masa beruang-ailik dari Kuala Lumpur ke Kuantan menemani dan menjaganya.

"Selepas beberapa ketika, saya terfikir ada baiknya berhenti kerja untuk melakukan perkara yang diminati iaitu penternakan, selain sentiasa berada dekat dengan keluarga. Kebetulan ketika itu saya membeli sebidang tanah seluas empat hektar dan sesuai untuk dimulakan projek ternakan secara komersial," katanya ketika ditemui di sini.

Asmawi, 45, berkata ketika itu ladang ternakan diusahakan hanya pada peringkat permulaan dan memberikan perhatian serius kepada bidang penternakan



Penanaman sayur secara fertigasi di Ladang Ternak Haji Kassim.

bermula tahun 2010. "Pada awalnya, saya mementernak lembu dan selepas setahun, mulai sedar bidang ini ada potensi menjana pendapatan lumayan, lalu mencari maklumat daripada kawan-kawan yang sudah lama menceburkan diri.

"Saya boleh dianggap bertuah juga kerana mempunyai ramai kenalan yang membabitkan diri dalam bidang penternakan ruminan dan selepas berbincang dengan mereka, kami tubuhkan Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR) sekitar 2012.

"Ladang Ternak Haji Kassim mula diusahakan secara komersial pada 2013, konsep pelancongan pertanian juga dilihat sesuai dilaksanakan di sini dan sehingga sekarang, sambutan diterima daripada orang ramai, termasuk dari dalam dan luar

negara sangat menggalakkan," katanya. Asmawi berkata, pada masa ini ladangnya menempatkan 30 lembu dan 300 kambing baka saanen (untuk susu) dan doper dari Australia, lima rusa, 50 ayam hutan dan ayam kampung dan 15 ayam belanda.

Dapat perhatian pelancong Katanya, ladang itu mendapat perhatian pelancong dari Asia Barat setiap kali musim Aidiladha dan ada antaranya datang dari Syria dan Yaman untuk melawat serta berkongsi idea untuk memajukan lagi bidang penternakan diusahakannya itu.

"Biasanya pelancong dari negara Arab ini memang suka dengan (daging) kambing, sebab itu, apabila mereka tahu ladang ini ada peliharaan kambing dan turut menyediakan kemudahan untuk

buat kambing golek, makin ramai datang. "Ada juga yang sanggup berkongsi cara untuk menghasilkan keju dan yogurt secara percuma dan semua ini saya anggap sebagai rezeki untuk kami sekeluarga," katanya.

Selain menjual kambing dan lembu, ladang itu juga menjual susu kambing segar kepada pengunjung.

Katanya, projek penanaman sayur dan buah-buahan menggunakan kaedah fertigasi juga sedang dirancang di ladang berkenaan dan akan mula diusahakan bulan depan.

"Saya juga sedang merancang membangunkan beberapa chalet untuk memudahkan peminat sektor pelancongan pertanian datang dan menginap di sini, bagi melengkapkan ladang ini seterusnya memberi keselesaan kepada

pengunjung. "Buat masa ini, kami cuma ada dua bilik yang digunakan sebagai asrama pekerja dan sebuah Dewan serba guna yang boleh dijadikan tempat seminar atau mesyuarat.

"Selain itu, kami juga ada sebuah rumah kelab GTR di ladang ini yang berfungsi sebagai tempat ahli berkumpul setiap dua bulan sekali untuk berkongsi dan bertukar maklumat mengenai ternakan ruminan," katanya.

Asmawi menyifatkan, bidang ternakan memang menjanjikan pulangan lumayan jika diusahakan secara sistematik dan ber-sungguh-sungguh.

Ikuti BH Plus di www.bharian.com.my untuk lebih gambar dan video